

1.MENGENAL SUBJEK DAN PREDIKAT DALAM AYAT

SUBJEK

- ialah watak, pelaku atau benda utama.
- terdiri daripada Kata Nama (Frasa Nama)

contoh:

1. **Kedai itu** terbakar.
2. **Ali** belajar di perpustakaan.
3. **Kanak-kanak yang sedang menunggang basikal itu** adik saya.

- sebelum sedang: semua frasa atau perkataan ialah subjek

contoh:

1. **James dan Vincent** (subjek) sedang bermain di padang.
2. **Perempuan cantik itu** (subjek) sedang menyanyi di atas pentas.
3. **Bapa** (subjek) sedang memandu keretanya ke pejabat.

PREDIKAT

- ialah cerita mengenai watak, pelaku atau benda utama.

contoh;

1. Kedai itu **terbakar**.
2. Ali **belajar di perpustakaan**.
3. Kanak-kanak yang sedang menunggang basikal itu **adik saya**.

- selepas itu atau ini: semua frasa atau perkataan ialah predikat.

contoh:

1. Pak Abu dan isterinya tinggal di Melaka. (predikat)
2. Rumah yang berwarna putih itu kepunyaan saya. (predikat)
3. Ketiga-tiga orang budak yang berbangsa cina itu bersahabat baik. (predikat)

LATIHAN

Tentukan bahagian subjek dan predikat dalam ayat-ayat di bawah ini.

Frasa yang berwarna biru subjek manakala yang berwarna hitam predikat.

Contoh

Ali membeli ikan dan sayur di Pasar Perling

Subjek	Ali
Predikat	membeli ikan dan sayur di Pasar Perling

1. Vincent Chong menghadiahi Zalipah sebuah novel bersempena dengan hari jadinya yang ke-14.

Subjek	
Predikat	

2. Beliau guru besar sekolah saya

Subjek	
Predikat	

3. Pemimpin perlu berlaku adil

Subjek	
Predikat	

4. Pendatang asing dari Indonesia sangat rajin

Subjek	
Predikat	

5. Mereka daripada pasukan kompang kampung kami

Subjek	
--------	--

Predikat	
----------	--

1. **Para penonton** kelihatan terbuai semasa mendengar persembahan nyanyian daripada artis tersebut.
2. **Pekedai itu** ditahan oleh pihak berkuasa kerana tidak

meletakkan tanda harga pada barang jualannya.

3. **Kami** berpakat untuk meraikan hari ulang tahun perkahwinan Cikgu Sariza pada petang ini.
4. Berjaya memecahkan rekod kebangsaan dalam acara lempar cakera **atlet itu**.
5. Telah membeli kereta yang baharu **bapa Hisyam**.
6. **Peserta Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Megah**
Ria akan mara ke peringkat akhir pertandingan syarahan.
7. **Pokok mangga di belakang rumah datuk saya** sudah ditebang oleh ayah.
8. **Gopal** menjawat jawatan sebagai setiausaha dalam Persatuan Bahasa Melayu.
9. **Tun Dr. Mahathir** merupakan negarawan yang terbilang di Malaysia.
10. **Mak Siti** mengajak anaknya ke pasar tani.
11. **Budak yang berbaju merah dan berbadan gempal itu**
ialah anak kesayangan saya.

12. Suasana meriah musim menuai menjadi kenangan indah sepanjang hidup saya.
13. Berpusing-pusing di udara sebelum terhempas di kawasan paya bakau, helikopter itu.
14. Ayah seorang pegawai di pejabat ini sebelum bersara lima tahun yang lalu.
15. Telah disabitkan kesalahan membunuh, penjenayah warga asing itu.